

'Kematian bukan di kawasan kerja MRT'

KUALA LUMPUR: Kejadian kematian seorang pekerja buruh yang tersepit pada mesin alat pembinaan berhampiran PPR Taman Muhibah, Jalan Puchong, dekat sini, kelmarin tidak

berlaku di kawasan kerja MYRapid Transit (MRT).

Ia berlaku di tapak kerja sebuah projek infrastruktur lain.

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT

Corp) dalam satu kenyataan di sini, semalam, menjelaskan bahawa laporan beberapa media tempatan mengatakan kejadian itu berlaku di kawasan kerja MRT adalah tidak tepat.